

Berit@UTeM

www.utm.edu.my | Edisi Jan-Feb 2015



UTeM SUMBANG
Bantuan Banjir RM 100 ribu

UTeM Terima Status
AUTONOMI

UTeM - MAMPU
Jalin Kerjasama ICT





UTeM TERIMA STATUS AUTONOMI

16 Januari - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) muncul antara 12 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang diberikan status autonomi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nائب Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, pemberian autonomi ini akan memberi peluang kepada UTeM untuk terus berdaya saing dan berinovasi tinggi dalam melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif dan graduan yang berkualiti.

"UTeM diberi kuasa autonomi dalam empat bidang merangkumi Governan Institusi; Kewangan dan Penjanaan Pendapatan; Pengurusan Sumber Manusia; dan Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar yang dilihat mampu melonjakkan lagi kecemerlangan UTeM sebagai IPTA

Teknikal ulung di negara ini."

Jelas beliau, walaupun permohonan kemasukan ke IPTA tetap diuruskan oleh UPU, UTeM akan diberi kuasa penyemakan kriteria, pemilihan dan pengumuman keputusan berdasarkan pilihan utama pelajar yang akan dipantau oleh pihak Kementerian agar tidak timbul sebarang pertindihan terutamanya dalam proses pemilihan pelajar.

"Lembaga Pengarah dan semua warga UTeM melahirkan rasa syukur diatas penganugerahan autonomi ini serta akan memikul amanah ini dengan penuh tanggungjawab bagi mencapai visi dan misi ke arah kecemerlangan akademik di rantau ini.

Status autonomi ini diberikan kepada UTeM yang telah berjaya memperolehi skor 85 peratus penilaian tahap

kesediaan autonomi dalam proses auditan yang telah dijalankan pada tahun lalu.

Penganugerahan itu telah disempulkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Tan Sri Ahmad Zaidi Laidin dalam satu majlis di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).



SIKANG EDITORIAL Berita@UTeM

Ketua Editor
Fazidah Ithnin

Wartawan
Zulfatria Abdullah

Reka Letak Grafik
Shahril Hazli Abu Bakar

Jurufoto
Mohd Farid Supangi | Sumber Rasmi Universiti

Pengedaran
Mohamad Haffize Ramli

WARGA UTeM DISARAN TERUS MENGHAYATI BUDAYA KERJA



MFS



Zulfatria Abdullah



23 Januari - Seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) disaran untuk terus menerapkan unsur-unsur ilmu, budaya dan inovasi dalam setiap kerja dan tugas yang diberikan bagi memperkasakan produktiviti ke arah masa depan gemilang universiti itu sebagai pelopor pengajian teknikal di negara ini.

Menurut Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, penerapan ilmu, budaya dan inovasi ini penting dan perlu dihayati oleh semua warga universiti itu dalam mengatur langkah serta perancangan untuk mencapai visi dan misi universiti sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Strategik UTeM 2012-2020.

"Melalui penghayatan unsur-unsur tersebut saya yakin warga UTeM akan lebih komited dan bertanggungjawab dalam mempertingkatkan kecemerlangan universiti sekaligus memperkukuhkan proses transformasi UTeM ke peringkat yang lebih tinggi" ujar beliau pada Majlis Perutusan Naib Canselor UTeM di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal.

Dalam majlis perutusan yang dihadiri lebih 2000 orang staf dan pelajar itu, beliau turut menyentuh pencapaian UTeM sepanjang 2014 dan halatuju universiti bagi tahun 2015 yang disifatkannya serba mencabar berikutan senario perkembangan semasa seperti kejatuhan harga minyak

global dan kedudukan ekonomi negara kesan kejatuhan nilai ringgit yang turut menuntut pengurusan universiti untuk terus berhemah dalam perbelanjaan kewangan.

"Pencapaian UTeM sepanjang tahun 2014 juga sangat membanggakan apabila menjadi universiti teknikal awam pertama di negara ini yang diberikan status autonomi sekaligus memberi peluang kepada UTeM untuk terus berdaya saing dan berinovasi tinggi dalam melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif dan graduan yang berkualiti." ujar beliau lagi.

Antara pencapaian lain yang membanggakan diraih UTeM adalah pengiktirafan oleh Dassaults Systemes, penubuhan pusat kecemerlangan akademik UTeM – Tokushima University, penubuhan Majlis Profesor UTeM serta pencapaian cemerlang penyelidik UTeM dalam espo penyelidikan dalam dan luar negara.

Beliau berkata, sepanjang 2014 juga menyaksikan UTeM terus menjadi pilihan para pelajar untuk melanjutkan pengajian terutamanya melalui penawaran program-program akademik yang diiktiraf dan universiti itu juga akan memperkasakan program-program akademik sedia ada bagi memastikan UTeM terus menerajui bidang teknikal dan teknologi negara sekaligus memastikan graduannya menjadi pilihan utama industri diperingkat nasional dan juga global.

"Pencapaian UTeM sepanjang tahun 2014 juga sangat membanggakan apabila menjadi universiti teknikal awam pertama di negara ini yang diberikan status autonomi sekaligus memberi peluang kepada UTeM untuk terus berdaya saing dan berinovasi tinggi dalam melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif dan graduan yang berkualiti." ujar beliau lagi.

Antara pencapaian lain yang membanggakan diraih UTeM adalah pengiktirafan oleh Dassault Systemes, penubuhan pusat kecemerlangan akademik UTeM – Tokushima University, penubuhan Majlis Profesor UTeM serta pencapaian cemerlang penyelidik UTeM dalam ekspo penyelidikan dalam dan luar negara.

Bellau berkata, sepanjang 2014 juga menyaksikan UTeM terus menjadi pilihan para pelajar untuk melanjutkan pengajian terutamanya melalui penawaran program-program akademik yang dikiraf dan universiti itu juga akan memperkasakan program-program akademik sedia ada bagi memastikan UTeM terus menerajui bidang teknikal dan teknologi negara sekaligus memastikan graduannya menjadi pilihan utama industri di peringkat nasional dan juga global.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Naib Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Prof. Dr. Md Taib Dor, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jallani Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Pendaftar Datuk Hasan Sirun dan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM.



UTeM-MAMPU Jalin Kerjasama ICT

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah meningkatkan keupayaan kompetensi modal insan di bawah Program Akademik dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui program peca sarjana Industry menerusi Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri.

Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Wira Omar Kaseh berkata, kerjasama itu dalam bentuk perkongsian pengetahuan dan kepakaran yang membolehkan pertukaran data, maklumat, kepakaran dan produk melalui latihan, persidangan, seminar, bengkel, kolokium serta pelbagai aktiviti perkongsian secara berkesinambungan.

"Wajar bagi kita bergerak lebih pantas dan berkesan seiring dengan perkembangan semasa bagi menguasai dan memanfaatkan sepenuhnya teknologi ICT," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Di Dewan Canselor UTeM di sini, semalam.

Turut hadir, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Wira Md Yunus Husin serta Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib. Katanya, dengan termetodenya kerjasama di antara kedua-dua pihak, ia akan mewujudkan pelbagai bentuk penyelesaian serta inovasi melibatkan bidang ICT.

"Jalinan kerjasama antara kedua pihak ini sangat diperlukan bagi membantu menangani pelbagai isu dan cabaran dalam membangun serta melaksanakan inisiatif ICT merangkumi aspek teknologi infrastruktur, aplikasi data dan keselamatan," katanya.

Antara lain persefahaman memorandum itu mengenai perkembangan ICT merangkumi Pengurusan Maklumat, Perancangan Strategik ICT, Pengurusan Pangkalan Data, Pengurusan Rangkaian, Pengurusan Pusat Data dan Pengurusan Keselamatan Maklumat.



MFS



Zulfatria Abdullah

MOHD RAZALI DILANTIK TIMBALAN NAIB CANSOLOR UTeM

23 Januari - Dekan Pusat Pengajian Siewazah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor universiti itu yang baharu berkuatkuasa 1 Januari lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM, pengumuman pelantikan Mohd Razali itu dibuat Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini untuk tempoh perkhidmatan sehingga 31 Disember 2017 bagi menggantikan Dato' Prof. Mohd Nor Hussain.

Mohd Razali memperoleh ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sistem Kejuruteraan dari The University of Liverpool, United Kingdom dan Sarjana Sains Dalam Perlindungan Bahan dari Loughborough University of Technology, United Kingdom.

Bellau memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2003 dan seterusnya dilantik sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UTeM pada tahun 2004. Pada tahun 2009 bellau telah dlmamanahkan untuk menjadi Dekan Pusat Pengajian Siewazah UTeM.

Mohd Razali pernah berkhidmat di Universiti Sains Malaysia dengan menjawat pelbagai jawatan termasuk Dekan dan Timbalan Dekan serta aktif dalam peralangan, penerbitan jurnal, penulisan ilmiah, penyelidikan serta telah menulis pelbagai kertas kerja merangkumi bidang teknikal, kejuruteraan pembuatan.

Selain itu, bellau turut pernah dlmamanahkan untuk mengawal khidmat konsultansi dan teknikal kepada beberapa projek seperti di Kolej Kemahiran Tinggi Mars, Kulim Technology Park serta penasihat program akademik beberapa buah inatual pengajian tinggi di negara ini.

Pemilihan Mohd Razali dibuat berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian dengan mengambil kira pengalaman bellau dalam bidang akademik, penyelidikan dan pentadbiran seiring dengan status UTeM sebagai universiti berfokus yang bertarafkan bidang teknikal.

Pelantikan ini juga diharapkan dapat meneruskan rentak kecemerlangan UTeM terutamanya dalam kecemerlangan akademik serta meningkatkan kualiti tenaga akademik dan mahasiswa.

Dalam pada itu, UTeM turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan menyanjung tinggi sumbangan bellau yang telah dicurahkan Mohd Nor sepanjang tempoh perkhidmatan bellau selama ini.



MOHD JAILANI DILANTIK SEMULA SEBAGAI TIMBALAN NAIB CANSOLOR PENYELIDIKAN DAN INOVASI UTeM

23 Januari - Profesor Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor telah dilantik semula sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi (TNCPI), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi tempoh 2 tahun.

Pelantikan semula ini telah dibuat selepas mendapat persetujuan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkuatkuasa dari 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2018.

Bellau memperoleh ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Oklahoma State University, USA pada tahun 1984 seterusnya menamatkan Sarjana dari universiti yang sama pada tahun 1988 manakala memperoleh PhD dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Sheffield Hallam University, United Kingdom pada tahun 1996.

Sebelum berkhidmat di UTeM, bellau pernah menyandang jawatan Pengarah Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Timbalan Dekan Akademik Fakulti Kejuruteraan dan Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bellau aktif dalam penerbitan buku-buku akademik, prosiding, jurnal, laporan teknikal dan telah berjaya memenangi kategori Buku Terjemahan Terbaik pada Anugerah Buku Negara 2014.

Manakala dalam bidang penyelidikan pula, bellau telah memenangi lebih dari 20 pingat dan hadiah di peringkat antarabangsa termasuklah di Seoul International Invention Fair (SIIF) pada tahun 2004 dan International Research Showcase 2007 yang diadakan di Nurnberg, Jerman.

Selain itu juga telah memenangi beberapa anugerah kecemerlangan termasuk Anugerah Khas Kualiti, Kategori Kumpulan Pengurusan Mekanikal Terbaik, UKM 2002, Anugerah Khidmat Cemerlang, UKM 2003, Anugerah Khas Kualiti Kategori Individu (kakitangan akademik, UKM 2005 dan Anugerah Mekanikal Cemerlang (penyelidikan), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina UKM 2007.

Mohd Jailani ketika ditemui melahirkan rasa penghargaan di atas pelantikan semula ini dan bertekad terus memperkasakan bidang penyelidikan dan inovasi UTeM melalui penghasilan produk penyelidikan yang berkualiti tinggi dan dikitraf dunia.





MFS



Zulfatria Abdullah

UTeM Sumbang Lebih RM100,000



Sebagai usaha membantu mangsa banjir di Pantai Timur, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyumbangkan lebih RM100,000 berbentuk barangan keperluan dan makanan.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, pihaknya telah menubuhkan Bilik Gerakan Banjir sejak 26 Disember 2014 bagi mengumpulkan barangan sumbangan dan ia merupakan inisiatif khusus bagi membantu mangsa bencana tersebut.

“Konvoi ini adalah satu usaha daripada kami untuk meringankan beban mangsa banjir di negeri Pantai Timur selain turut membantu penduduk di kawasan kampung sekitar Kota Bharu, Kelantan yang terjejas teruk.

“Pihak UTeM telah menghantar skuad peninjau di Kota Bharu bagi mendapatkan gambaran awal di sana, dan maklumat mereka merupakan penentu kepada keputusan kami untuk menghantar konvoi ini,” katanya.

Shahrin berkata, demikian ketika berucap dalam Majlis Pelepasan Konvoi Bencana Alam UTeM, Kampus Induk UTeM, Khamis lalu.

Hadir sama, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Wira Md. Yunus Husin yang turut menyempurnakan perasmian konvoi tersebut mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron.

Katanya, konvoi ini merupakan yang pertama dilancarkan melibatkan 82 sukarelawan terdiri daripada kakitangan UTeM.

“Ini adalah pelancaran yang pertama di mana melibatkan pelbagai kenderaan iaitu dua bas, empat kenderaan pacuan empat roda dan satu lori,” katanya.

Antara barangan yang akan disumbangkan ialah barangan berbentuk beras, air mineral, pakaian, sejadah, naskhah al-Quran, barangan kelengkapan sekolah, lampin bayi serta pelbagai lagi barangan asas.





PELAJAR UTeM LANCAR MISI PASCA BANJIR

15 Januari - Prihatin dengan nasib dan kesesakan yang menimpa mangsa banjir di negeri Pantan Timur, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melalui pelajar-pelajarnya telah melancarkan misi sukarelawan bagi menghulurkan bantuan kepada mangsa yang terjejas.

Misi yang membabitkan seramai 200 sukarelawan itu terdiri daripada pelajar UTeM memberi tumpuan kepada bantuan pasca banjir untuk membantu mangsa banjir terutamanya dalam memberihkan kawasan perumahan, surau, masjid dan kemudahan awam.

Nalib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, misi ini merupakan kesinambungan daripada Misi Kemaruasaan Bantuan Banjir UTeM yang telah dilancarkan pada 8 Januari yang lalu dan pada kali ini kumpulan sukarelawan akan bergerak ke Temerah, Pahang serta beberapa kawasan sekitarnya.

"Selain membantu penduduk terjejas di kawasan tersebut, sukarelawan UTeM turut akan mengagihkan bantuan makanan, keperluan asas dan bekalan air bersih yang telah berjaya dikumpulkan hasil sumbangan warga UTeM" ujarnya ketika ditemui pada majlis pelepasan konvol misi tersebut di Pusat Penyatuan Pelajar, UTeM di sini, semalam.

Konvol berkenaan membabitkan enam buah bas yang di turut diringi oleh 10 orang pegawai dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM.



3 Januari - Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Ekspo Rekabentuk dan Inovasi 2014 (iDEX) bertempat di Kampus Teknologi UTeM Ayer Keroh.

Ekspo pertama kali diadakan itu telah disertai oleh pelajar-pelajar tahun akhir FTK dan merupakan inisiatif pihak fakulti bagi menyediakan platform kepada pelajar untuk mempamerkan produk penyelidikan mereka yang merupakan salah satu syarat dalam mata pelajaran Projek Sarjana Muda (PSM) sebelum bergraduasi.

Melalui ekspo ini para pelajar telah diwajibkan menggunakan poster semasa pembentangan produk penyelidikan yang membolehkan pelajar menimba pengalaman baharu. Selain itu pelajar turut didedahkan dengan penggunaan teknik yang betul semasa pembentangan produk penyelidikan.

Sebanyak 383 produk penyelidikan telah dipertandingkan dan dinilai oleh juri profesional. Penyampaian hadiah dan sijil kepada peserta telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jalinan Industri FTK Engr. Rohana Abdullah.

Dalam ucapan penutupnya, Rohana berkata ekspo ini akan dijadikan acara tahunan dan kesemua poster pemenang akan turut dipamerkan di ruang legar fakulti bagi dijadikan contoh dan pembakar semangat pelajar tahun berikutnya.

"Diharapkan penganjuran aktiviti seperti ekspo ini akan dapat menyemarakkan dan merangsang semua warga universiti terutamanya para pelajar untuk memartabatkan budaya inovasi dan seterusnya menghasilkan produk penyelidikan bermutu tinggi" ujar beliau.



Zulfatria Abdullah



MFS

EKSP REKABENTUK DAN INOVASI (iDEX) SERLAHKAN BAKAT INOVASI



3 Januari - Penyelidik daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mempamerkan bakat dalam bidang penyelidikan dan inovasi dalam Mini Ekspo Penyelidikan dan Inovasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeMEX) baru-baru ini.

Mini ekspo anjuran Pusat Pengkomersilan UTeM itu telah menyaksikan penyertaan sebanyak 83 produk penyelidikan daripada kalangan pensyarah pelbagai fakulti sekaligus membuktikan kecemerlangan dan kemampuan para penyelidik UTeM dalam mencetuskan daya inovasi yang tinggi menerusi produk penyelidikan bermutu tinggi.

Menurut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani Md Nor ketika majlis perasmian penutup ekspo itu berkata, Mini UTeMEX bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti dan daya saing para penyelidik universiti dalam menghasilkan produk berasaskan penyelidikan agar lebih berinovatif, berimpak serta bernilai komersil.

Jelas beliau lagi, Mini UTeMEX ini juga merupakan platform kepada para penyelidik UTeM untuk mempamerkan produk ciptaan mereka sebelum dipilih untuk membawa cabaran universiti dalam pertandingan inovasi di dalam dan luar negara.

"Penganjuran aktiviti ini jelas membuktikan komitmen UTeM untuk menyemarakkan budaya inovasi di peringkat universiti dan ianya merupakan landasan untuk terus merangsang seluruh warga universiti dalam meletakkan usaha dan kesungguhan dalam terus menggunakan kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam menghasilkan produk penyelidikan bermutu tinggi" ujar beliau lagi.

Dalam perkembangan yang sama, menurut Pengarah Pusat Pengkomersilan, Prof. Madya Ir. Dr. Sivarao a/l Subramonian berkata, para penyelidik UTeM telah mempamerkan kecemerlangan dalam pertandingan dan ekspo inovasi sepanjang tahun 2005 hingga 2014 dengan memenangi

sebanyak 381 pingat termasuk 21 anugerah khas.

Beliau berkata, UTeM juga telah berjaya memfailkan 154 harta intelek termasuk 50 paten dan sebanyak RM5 juta telah dibelanjakan oleh universiti itu bagi tujuan pengkomersilan yang mampu menjana pendapatan dan pemindahan teknologi sejajar dengan kepakaran dan kekuatan teknikal yang dimiliki oleh penyelidik UTeM.

Penyelidik UTeM Pamer Bakat Dalam Mini UTeMEX



Perkongsian Pintar UTeM-Industri bantu Lahirkan Modal Insan Bertaraf Dunia



Sumber disediakan



Zulfatria Abdullah

5 Januari - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus memantapkan perkongsian pintar dengan rakan industrinya melalui penganjuran aktiviti seperti seminar, simposium dan dialog bagi faedah bersama universiti dan industri disamping dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UTeM Prof. Madya Dr. Mohd Rizal Saleh berkata, kerjasama tersebut penting bagi memacu penyelidikan terkini untuk memenuhi permintaan pasaran dalam menyokong industri dan komuniti tempatan sekaligus dapat dapat memupuk budaya kreatif dan inovasi di kalangan graduan tempatan untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing.

Jelas beliau, sebagai institusi pengajian tinggi awam di negara ini, UTeM akan terus komited dalam menjayakan perkongsian ini meliputi kerjasama dalam pelbagai bidang seperti pengajaran dan penyelidikan, latihan industri, staf, dan konsultasi, perkembangan profesional yang berterusan, serta pengukuhan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berterusan.

Satu majlis penghargaan kepada Penolong Naib Canselor, Jaringan Industri dan Masyarakat (JIM) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail telah diadakan bertempat di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Majlis tersebut diadakan bagi meraikan Prof. Dr. Muhammad Ghazie yang telah melepaskan jawatannya sebagai Penolong Naib Canselor JIM UTeM yang disandang beliau sejak 24 Mei 2011 yang lalu.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib dalam ucapannya merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Muhammad Ghazie di atas perkhidmatan yang telah disumbangkan beliau sepanjang menjawat jawatan tersebut.

Jelas beliau lagi, sepanjang berkhidmat di UTeM, Prof. Dr. Muhammad Ghazie telah menunjukkan prestasi yang cemerlang, selain menyumbangkan idea dalam memajukan UTeM sebagai universiti teknikal tersohor di negara ini terutamanya dalam meningkatkan hubungan strategik universiti dengan industri.

Melalui sumbangan beliau itu, UTeM berjaya mewujudkan kerjasama pintar dengan pihak industri melalui pelaksanaan beberapa inisiatif strategik seperti Pusat Inovasi Kreatif:BlueDot, Program Sangkut Industri, Program Graduate



MFS



Zulfatria Abdullah

Beliau berkata demikian ketika ditemui pihak media pada pada 17 Disember yang lalu.

Seramai 40 peserta menyertai Seminar Teknologi Mesin anjuran fakulti tersebut yang melibatkan para pensyarah dan pengajar, pelajar pascasiswazah serta rakan industri UTeM dari CTRM Aero Composites Sdn. Bhd., DK Composites Sdn. Bhd., Jati Beringin Sdn. Bhd., Prym Consumer (M) Sdn. Bhd. dan Kolej Kemahiran Tinggi Mara.

Seminar sehari itu juga menyaksikan ucapnama oleh Prof. Dr. Elsayed A. Orady dari Universiti Michigan-Dearborn, Amerika Syarikat yang merupakan profesor pelawat UTeM.

Sementara itu, menurut Pengarah Program, Dr. Wan Hasrulnizam Wan Mahmood berkata bahawa seminar ini merupakan program yang dirancang oleh pihak fakulti bagi meningkatkan kerjasama akademik dan industri dalam membincangkan permasalahan industri dan pembudayaan ilmu kedua-dua pihak.



MAJLIS PENGHARGAAN Penolong Naib Canselor PJIM

Employability Enhancement and Added-Value Training (GREAT), Program Graduate Leadership, Assessment and Development (GLAD) dan banyak lagi.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad serta barisan pengurusan kanan universiti.



TERUS MENYUMBANG KEPAKARAN – NAIB CANSSELOR UTeM

19 Januari - Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib menyeru semua ahli Lembaga Pengarah universiti tersebut untuk meneruskan perhubungan dan jalinan yang sedia ada, terutama dalam berkongsi kepakaran, pengalaman dan idea bernas ke arah kemajuan universiti.

Menurut beliau, walaupun setelah menamatkan perkhidmatan, semangat kerjasama yang berterusan penting untuk terus bersama-sama UTeM menyokong dan menyumbang ke arah mencapai aspirasi visi dan misi universiti.

"UTeM sebagai sebuah universiti teknikal awam berstatuskan autonomi amat memerlukan sokongan, idea dan cadangan daripada semua pihak dalam menjayakan aspirasi UTeM untuk menerajui bidang teknikal dan teknologi negara sekaligus memastikan graduannya menjadi pilihan utama industri diperingkat nasional dan juga global" ujar beliau kepada pihak media di Majlis Jasamu Dikenang yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Melaka.

Majlis tersebut telah meraikan bekas ahli Lembaga Pengarah UTeM yang telah tamat perkhidmatan iaitu Datuk Wira Omar Kaseh, Dr. Arts Kasan, Shahid-din Mohd Khatib, Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain serta bekas Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Bellau turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan di atas jasa dan bakti yang telah disumbangkan oleh mereka sepanjang tempoh perkhidmatan di universiti tersebut.

Penyampalan sijil penghargaan dan cenderamata telah disempurnakan oleh Pro Canselor UTeM Datuk Wira Ismail Saleh dalam majlis yang turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaldee Laldin, pengurusan kanan dan pegawai universiti.



Zulfadris Abdullah



MFS



UTeM TERIMA KUNJUNGAN UNIVERSITY OF TEXAS at EL PASO

31 Jan - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus meraih tumpuan apabila menerima kunjungan University of Texas at El Paso (UTEP) Amerika Syarikat di Kampus Induk Durian Tunggal.

Kunjungan yang diketuai oleh Pengerusi UTEP Dr. Roger V. Gonzalez ke negeri Melaka itu adalah merupakan kunjungan balas sempena lawatan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron ke UTEP pada bulan September yang lepas.

Ketibaan Dr. Roger V. Gonzalez bersama Alumni UTEP Malaysia itu telah disambut oleh Nalb Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib dan barisan pegawai kanan universiti di Kampus Induk Durian Tunggal.

Sesi taklimat universiti telah disampaikan kepada delegasi tersebut selain bertukar-tukar maklumat dan pandangan serta menandatangani buku pelawat. Delegasi turut dibawa meninjau kemudahan pembelajaran dan makmal berteknologi tinggi yang terdapat di UTeM.

Menurut Dr. Shahrin, UTeM merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Roger V. Gonzalez kerana memilih UTeM sebagai sebahagian destinasi lawatan sepanjang 3 hari berada di Melaka. Ujar beliau lagi, melalui sesi perbincangan yang diadakan, UTeM dan UTEP bersetuju untuk berkerjasama dalam pelbagai bidang terutamanya program pertukaran pelajar kedua-dua universiti.

Beliau berkata, kunjungan ini juga dapat mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama strategik antara UTeM dengan selain dapat berkongsi pengalaman dan pandangan mengenai kerjasama boleh dimeterai pada masa akan datang.

Sementara itu, menurut Dr. Roger V. Gonzalez, berdasarkan tinjauan dan pemerhatian beliau semasa kunjungan itu mengukuhkan UTeM merupakan sebuah universiti teknikal yang berkembang maju dalam pelbagai sudut sama ada pembangunan fasiliti, penghasilan graduan profesional serta kecemerlangan penyelidikan dan inovasi.



UTeM Terus Dapat Perhatian, Bantu Melaka Jadi Destinasi Pelancongan

21 Jan - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menjadi perhatian sepanjang tahun 2013 apabila telah menerima lawatan daripada pelbagai institusi dan agensi dalam dan luar negara bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan penawaran program akademik dan sistem pembelajarannya.

Menurut Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori UTeM Fazidah Ithnin berkata, pada tahun 2014 UTeM telah menerima kunjungan dan lawatan daripada pelbagai pihak termasuk sekolah berprestasi tinggi, kolej-kolej, agensi-agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Jelasnya, keunikan UTeM selaku universiti teknikal awam pertama di negara ini disamping konsep pembelajaran berteraskan aplikasi dan amalan berteknologi tinggi merupakan penyebab utama mengapa universiti tersebut sentiasa menjadi perhatian dan tumpuan.

“Selain itu, terdapat juga lawatan dan kunjungan yang dibuat oleh universiti luar negara bertujuan untuk menjalinkan hubungan kerjasama dua hala, selain berkongsi kepakaran dengan UTeM yang cemerlang dalam bidang penyelidikan dan inovasi” ujar beliau.

Katanya lagi, UTeM amat bertuah kerana lokasi kedudukannya yang strategik dalam negeri Melaka turut menjadi faktor mengapa universiti tersebut menjadi pilihan sebagai destinasi lawatan.

“Maklumbalas yang kami terima mendapati ada sekolah-sekolah yang memilih UTeM sebagai destinasi lawatan bukan sahaja kerana keunikan konsep pembelajaran dan kemudahan pembelajaran yang kondusif, malahan faktor negeri Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNSECO ini turut menarik perhatian mereka. Malah, ketika mengadakan promosi di luar negara, UTeM bukan sahaja mempromosi program akademik yang ditawarkan, bahkan turut mempromosikan Melaka sebagai destinasi pelancongan pendidikan” ujar beliau lagi.

Tambahnya lagi, UTeM akan terus menyokong dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan negeri Melaka dibawah kepimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Ir. Idris Haron dalam memperkasakan Melaka sebagai destinasi pelancongan sebagaimana yang digariskan dalam pelan Melaka Maju Fasa II.

Bagi yang berminat untuk mengadakan lawatan ke UTeM, boleh menghubungi **Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori UTeM** di talian 06-5552000/ 06-3316249.



MiCOST



Kookmin University



Prof Dr Jaegab Lee Kookmin
Universiti Korea



Suleyman Sah & Sakarya Universiti



Timbalan Ketua Polis
Negeri Melaka

e-ATTENDANCE

Bantu Permudahkan Rekod Kehadiran



Penyelidik Teknikal Malaysia Melaka dan inovasi apabila (UTeM) teruskan mencipta produk pengimbas yang dikenali sebagai e-Attendance.

Penyelidik tersebut Safarudin Gazali Herawan dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UTeM berkata produk tersebut dan menggunakan sebarang kertas dalam proses penghasilan e-Attendance.

Produk itu berfungsi untuk merekodkan kehadiran pelajar dengan menggunakan telefon bimbit. Sebagai contoh, bagi sesi kuliah pelajar, proses mengimbas boleh dilakukan sebelum dan selepas kuliah diadakan bagi tujuan merekodkan kehadiran pelajar sekaligus memudahkan tugas para pensyarah.

"QR Code itu juga boleh dilekatkan pada sebarang jenis kad identiti seperti Kad Pekerja, Kad Matrik Pelajar dan lain-lain lagi serta mudah dibawa tanpa perlu menggunakan peralatan atau perisian lain yang sofistikated" ujar beliau.

Beliau berkata, penghasilan produk yang mudah serta menjimatkan itu merupakan satu kejayaan buat dirinya dan universiti untuk terus menghasilkan produk penyelidikan dan teknikal yang unggul di rantau ini.

Melaka Negeri Bandar Teknologi Hijau.

Produk e-Attendance telah digunakan secara meluas oleh beberapa fakulti selaras dengan hasrat Ketua Menteri Melaka Negeri Bandar Teknologi Hijau.

Untuk rekod, produk e-Attendance telah digunakan secara meluas oleh beberapa fakulti dalam sesi perkuliahan yang dihadiri oleh pelajar dan turut berjaya menarik perhatian umum apabila telah berjaya memenangi pingat emas di Ekspo Penyelidikan dan Inovasi UTeM (UTeMEX) yang lalu sekaligus akan mewakili universiti pada Malaysian Technology Expo 2015 yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Sumber disediakan

Zulfathia Abdullah

40 PASUKAN SAH MENYERTA FV MALAYSIA 2015



Sebanyak 40 buah pasukan telah mengesahkan penyertaan dalam Kejohanan Formula Varsity (FV) Malaysia anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang dijadualkan akan berlangsung selama tiga hari bermula dari 21 Mei hingga 24 Mei 2015.

Kejohanan yang mengambil inspirasi daripada perlumbaan Formula One (F1) itu adalah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Ir. Mohd Jallani Mohd Nor berkata, FV Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai UTeM Formula Varsity merupakan acara dwitahunan yang dianjurkan oleh universiti tersebut dan bakal menjadi medan dalam mengasah bakat serta kebolehan para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dalam bidang kejuruteraan, teknologi dan inovasi.

"Sehingga kini, sebanyak 40 pasukan daripada pelbagai IPT telah mengesahkan penyertaan mereka dalam perlumbaan itu yang melibatkan kategori pembakaran dalam enjin serta kenderaan elektrik dan jumlah ini dijangka akan terus meningkat sebelum tarikh tutup penyertaan" ujar beliau.

Beliau berkata, antara pasukan yang telah mengesahkan penyertaan pada kali ini adalah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kolej Universiti TATI dan banyak lagi yang akan bersaing bagi merebut kejuaraan dalam empat kategori iaitu "The Most Outstanding Team", "The Award of FV Malaysia Design & Innovation", "The Award of FV Malaysia Racing" dan "Most Green-Tech Bestbow".

"Bersesuaian dengan tema perlumbaan FV Malaysia 2015 iaitu "Competitive Motorsport Through Engineering Excellent.", UTeM berharap melalui penganjuran FV Malaysia 2015 ini dapat mencungkil bakat, kepakaran serta kemahiran para pelajar IPT dalam bidang kejuruteraan selain sebagai platform untuk menguji kreativiti dalam merencanakan dan membina jentera perlumbaan sekaligus menyumbang kepada kemajuan industri pemotoran negara ini" ujar beliau lagi.

Perlumbaan FV Malaysia 2015 ini akan berlangsung di Ular Antarabangsa Sepang (SIC) dan bakal diarakkan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Najib Tun Razak.

Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Engr. Tayalan a/ Manoharan di talian 013-8288591, Mohd Amir Affil Bin Abd Razak (017-7137038) atau layari laman sesawang rasmi FV Malaysia di capaian <http://fvmalaysia.utm.edu.my>.

Pensyarah UTeM Terima Pengiktirafan

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousehawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Amir Aris telah menerima pengiktirafan sebagai Jurulatih bertauliah Neuro Linguistic Programming (NLP) untuk pelajar daripada Akademi NLP Malaysia baru-baru ini.

Pensyarah tersebut, Amir Aris merupakan antara 36 orang perintis yang menerima pengiktirafan tersebut daripada Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh dalam satu majlis yang telah berlangsung di Shah Alam.

Menurut Amir, pengiktirafan itu merupakan satu kejayaan buat dirinya dan beliau tekad untuk menggunakan kemahiran yang ada itu sepanjang esai perkuliahan pelajar bagi melahirkan graduan UTeM yang cemerlang dan terbilang.

Jelasnya lagi, cabaran untuk melahirkan pelajar cemerlang secara holistik semakin mencabar dan sebagai seorang, hanya menuntut komitmen yang itu agar esai pengajaran dan pembelajaran sama ada aktiviti dalam atau luar kelas dapat disempurnakan dengan berkesan dan bermakna.

Beliau berkata, NLP adalah merupakan satu kaedah untuk memahami bagaimana minda beroperasi dan kemudiannya mempengaruhi tingkah laku dan prestasi seseorang untuk membangunkan potensi manusia secara sistematik dan saintifik. Ia juga dilihat sebagai skill yang penting untuk menambah baik keberkesanan dan impak berkomunikasi dan membantu untuk memahami pengalaman manusia, dan hubungan antara minda, tubuh badan, emosi dan tindakan.

"Sebagai seorang pensyarah dalam bidang latihan dan pembangunan, pengiktirafan ini akan digunakan dengan sebaik mungkin bukan sahaja untuk membantu mencapai visi dan misi UTeM, bahkan juga kepada komuniti setempat melalui penglibatan aktif saya dengan Institut Pengurusan dan Integrasi Melaka (INSPIM) dalam menghasilkan modul latihan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan negeri Melaka sejak tahun 2008" ujar beliau.

Sebelum ini beliau juga telah berjaya memperoleh sijil profesional termasuk Certified PSMB Trainer, Certified NS-NLP Practitioner (ISNS), Certified NLP Practitioner (NFNLP-USA), Certified LAB Profile Practitioner (SS.CAN) dan Certified Assessing Personal Genius (ANLPM, NS, USA).



Sumber disediakan



Zulfatria Abdullah

PENYELIDIK UTeM MENYINAR DALAM PAMERAN TEKNOLOGI MALAYSIA



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mempamerkan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) apabila kesemua produk inovasi penyelidik universiti tersebut meraih kejayaan pada Pameran Teknologi Malaysia (MTE) yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 12 hingga 14 Februari lalu.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor berkata, UTeM telah menghantar penyertaan 15 produk penyelidikan untuk dipertandingkan serta dipamerkan sepanjang pameran tersebut berlangsung dan kesemua produk tersebut berjaya memenangi pingat.

Beliau berkata, pingat emas telah dimenangi oleh pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik Johar Akbar Mohamat Gani dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik melalui produk "i-SAJADAH : Prayer Rug With Smart Raka'ah Notification Device" yang turut merangkul anugerah khas.

Manakala 5 pingat perak disumbangkan melalui produk ciptaan Dr. Massila Kamaludin, Musa Yusup Lada, Dr. Mohd Shakir Md Saat, Datin Nurazlina Md Sanusi dan Mohd Azli Salim.

Sementara itu, penyelidik UTeM turut meraih 8 pingat gangsa menerusi produk ciptaan Nuridawati Mustafa, Herdy Rusnandi, Dr. Mohd Azman Abdullah, Dr. Mohd Shakir Md Saat, Prof. Dr. Qumrul Ahsan, Khairul Azha A. Aziz, Mohamad Fani Sulaima dan Engr. Dr. Mohd Amran Md Ali.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penyelidik yang telah membuktikan kecemerlangan dan kemampuan setaraf dengan penyelidik daripada universiti lain sekaligus mengharumkan nama UTeM dalam bidang penyelidikan dan inovasi" ujar beliau.

Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Kursus Asas Kepimpinan yang telah dihadiri oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2014/2015 universiti tersebut baru-baru ini.

Kursus yang diadakan di Pulau Pangkor Perak selama 3 hari itu telah dihadiri oleh barisan kepimpinan MPP UTeM seramai 30 orang.

Penolong Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM Ahmad Fadzil Mohamad berkata, tujuan kursus itu diadakan adalah untuk memberi pendedahan awal berkaitan kompetensi profesional dan teras pelajar dalam aspek kepimpinan kepada pelajar dalam melaksanakan kepimpinan cemerlang di peringkat universiti.

Tambah beliau lagi, penganjuran kursus itu juga untuk menerapkan semangat patriotisme dan kerja berpasukan dikalangan pemimpin pelajar serta menjayakan misi dan visi universiti selain merealisasikan integrasi pendidikan sepanjang hayat.

"Dengan adanya kursus ini diharapkan barisan kepimpinan MPP UTeM mampu menjadi pemimpin pelajar yang berketrampilan, punya keyakinan diri, kreatif dan inovatif, serta berkomunikasi dengan baik selepas bergraduat nanti" ujar beliau.

Sepanjang kursus tersebut, pelajar telah didedahkan dengan ceramah motivasi, bengkel, simulasi, latihan dalam kumpulan serta aktiviti jati diri dan pembentukan sahsiah dan rohani. Majlis perasmian kursus telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor HEP Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid serta turut dihadiri Timbalan Pendaftar Kanan HEP Zainudin Ahmad.

KURSUS ASAS KEPIMPINAN MANTAPKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTeM



Masjid Sayyidina Abu Bakar JADI KEBANGGAAN WARGA UTeM

Terletak di tengah-tengah kampus induk Durian Tunggal, Masjid Sayyidina Abu Bakar menjadi lambang syiar Islam bagi warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sekaligus menjadi simbol kebanggaan kepada universiti yang menjadi perintis dalam bidang teknikal itu.

Masjid Sayyidina Abu Bakar menonjolkan keunikan struktur binaan dan reka bentuk masjid yang berkonepkan warisan tradisi dan moden serta menyertahkan ciri-ciri seni bina tradisi Melayu yang menggabungkan seni ukir China, Melayu, Arab dan corak geometrik yang kreatif.

Masjid yang siap dibina pada 2010 ini dengan keluasan 5,404.59 meter persegi ini telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada November 2012.

Masjid ini mampu menampung sebanyak 4400 jemaah dalam satu-satu masa serta mempunyai ruang sembahyang yang luas dan selesa. Ruang sembahyang untuk jemaah lelaki terletak di aras satu dan bagi jemaah wanita terletak di aras dua bangunan masjid.

Sejajar dengan fungsinya sebagai pusat umat Islam, pelbagai aktiviti turut diadakan bertujuan menjana keperibadian dan kecemerlangan muslim bagi melahirkan umat terbilang khususnya warga UTeM serta solat Jumaat pada setiap minggu dan solat tarawih sepanjang bulan Ramadhan.

Antara aktiviti yang dijalankan di masjid ini adalah seperti kelas bimbingan dan pengajian agama, kuliah-kuliah agama, kelas bahasa arab dan sambutan majlis kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul dan Nuzul al-Quran.

Untuk rekod, buku bertajuk "Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM" terbitan Penerbit Universiti telah berjaya memenangi anugerah Buku Umum Terbaik bagi Kategori Khazanah Warisan bersempena Anugerah Buku Negara 2013 yang lalu.





Follow

UTeM moments

UTeM Office
Where Great Things Happen
<http://www.utem.edu.my>

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

April 2015
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





Official Instagram
at Technical Careers Begin!
utem.edu.my

152 posts 1,872 followers 0 following

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

March 2015

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



February 2015





Having to speak and write in English has always bug the employees. It never failed to induce nerve-wrecking moments inside them when they were asked to make English related conversation or to write a document in that said language. The limited grasp of English creates a language barrier; this is a situation where two people with different mother tongues try to have a conversation but is unsuccessful due to the interference of these different languages distorting the flow of communication. One must at least be sufficiently proficient in one language that is known by many people to achieve a successful communication. That being said, English serves as an important language in today's world and bring many benefits to the employees.

English are used as a means of communication in many parts of the world ranging across various fields such as education, business, administration, entertainment and many others. Knowing English allows you to enter a global workforce as what had been done by many Japanese firms after they realise the importance of English proficiency in penetrating the international business market. It is widely known that the Japanese prefer to use their mother tongue in any occasion rather than foreign language. However, after they realise how English have had a profound impact in the business world, they decided to make it compulsory for their employees to learn English, as the cross-border business communication is most often conducted in English. The situation is not only applicable in the business world but also in many fields where English is widely used. Thus, English proficiency is highly required if we want to enter in the global workforce that mainly consists of English speakers.

UTEM



Ainul Adiba
Industrial Trainee

English is also important in creating more job prospects and increase your standard of living. It is reported that there are more job opportunities offered for those who were proficient compared to those who were not (Neeley, May 2012). The English speakers also had higher chance to get hired by employers who need potential employees that can speak and write fluent English. English speakers are highly in demand by big firms day by day due to English being widely used in business negotiations and it is considered as a global language. Therefore, employees should never be comfortable with their current living and always find ways to improve themselves.

In conclusion, it is never too late for someone to start learning English from scratch as English has become a necessity for all. Although learning English can be challenging but, you will see its value and it may change your future.



Dr. Radzuan bin Nordin
Pengarah Pusat Islam

Musibah dididik jiwa sabar, Mantap Iman

Pepatah Melayu berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul adalah ungkapan bagi menzahirkan perkongsian perasaan masyarakat terutama apabila seseorang ditimpa sesuatu musibah.

Musibah menimpa yang meruntun emosi seseorang sehingga kadang-kadang sukar diungkapkan melalui kata-kata. Barangkali itulah, ada orang yang tidak mahu berkongsi sesuatu musibah dengan orang lain kerana ia bukan mudah untuk dimengertikan.

Namun, di sebalik itu, ia memerlukan penawar yang boleh mengubat dan mengurangkan kepedihan membuku di hati. Al-Quran meraikan fitrah manusia yang sensitif terhadap sesuatu terjadi dalam hidupnya termasuk musibah seperti banjir yang melanca, kebakaran, kehilangan orang disayangi atau kerosakan harta benda.

Firman Allah swt. yang bermaksud: Dan sesungguhnya akan Kami (Allah) berikan cubaan (atau ujian) kepada kamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan khabarkanlah berita gembira kepada orang yang sabar. (Iaitu) orang yang apabila ditimpa musibah mereka mengucapkan Inna Lillahi wa ilahi raji'un (iaitu sesungguhnya kami ini milik Allah dan kepada-Nya kami kembali). Mereka itulah orang yang mendapat keampunan dan rahmat daripada Tuhan mereka dan mereka itulah orang yang mendapat petunjuk. (Surah al-Baqarah, ayat 155-157)

Terima qada dan qadar

Ayat itu memberi panduan kepada mereka yang ditimpa musibah supaya bersabar dan segera merujuk kembali kepada Allah SWT dengan penuh kerediaan menerima segala qada dan qadar. Pada masa sama bermuhasabah diri apakah hidup ini penuh kepatuhan kepada-Nya atau sebaliknya?

Melalui ayat itu juga, kita dapat mengenal pasti musibah adalah bentuk ujian yang diberikan oleh Allah swt. kepada manusia dan sebagai pendidikan jiwa. Ujian mendidik manusia supaya terus memantapkan keimanan kepada Allah swt, menguatkan akidah dan menanam sifat sabar dalam diri. Natijahnya akan lahir insan yang kuat akidah dan keimanannya kepada Allah swt., mantap kesabarannya sekalipun dilanda musibah besar. Kehilangan nyawa dan harta benda menyedarkan manusia, apa yang ada padanya bukan miliknya secara mutlak.

Rasulullah saw. menasihatkan umat Islam supaya bersabar dan segera kembali kepada Allah swt. apabila ditimpa musibah.

Diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Ummu Salamah, beliau mendengar Rasulullah saw. bersabda: Tiada seorang hamba yang ditimpa musibah seraya berkata, Inna Lillahi wa inna ilahi raji'un. Sambil mereka berdoa: Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepadaku pahala akibat musibah ini dan gantikanlah kepada-aku sesuatu yang lebih baik daripada musibah yang menimpa diriku, kecuali Allah mengurniakan pahala (ganjaran) kepadanya, setelah ditimpa musibah dan Allah akan menggantikan sesuatu yang lebih baik daripada musibah yang menimpa.

Bagaimanapun, apa yang digantikan Allah swt. tidak semestinya diperolehi di dunia dalam bentuk apa yang kita fikirkan. Oleh itu, musibah yang menimpa itu antara rahmat Ilahi yang tidak diketahui oleh manusia.

Musibah sebagai rahmat

Hal ini diakui Rasulullah saw. ketika Baginda berdepan kematian anaknya Ibrahim seperti yang diriwayatkan Imam al-Bukhari dan Muslim. Sebagai manusia, Baginda saw. turut mengalirkan air mata apabila berhadapan keadaan sedemikian. Seorang sahabat bertanya: Bukankah tuan melarang kami menangisi kematian? Baginda bersabda: Sesungguhnya musibah itu adalah rahmat. Kemudian Rasulullah berkata lagi: Mata tetap mengalirkan air mata dan hati tetap dirundung kesedihan, dan kami tidak berkata melainkan sesuatu ucapan yang Allah reda, dan sesungguhnya pemergianmu wahai Ibrahim cukup menyedihkan.

Hadis itu juga mengisyaratkan kesedihan dan tangisan seseorang itu yang diiringi sikap reda dengan qada dan qadar Ilahi, bukanlah menafikan sifat sabar atau mengurangkan keimanan seseorang ketika ditimpa musibah.

Umar bin al-Khattab menyifatkan musibah sebagai nikmat. Katanya, tidak aku ditimpa musibah, melainkan aku dapati padanya tiga nikmat. Nikmat pertama, musibah yang menimpa itu bukanlah yang berkaitan dengan agama.

Nikmat kedua, musibah itu bukanlah musibah yang besar seperti yang menimpa umat sebelumnya. Nikmat ketiga, sesungguhnya Allah SWT akan memberi balasan baik daripada musibah itu.

Kurniaan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada orang yang bersabar dan kembali menyerah diri kepada-Nya adalah suatu keampunan, kerahmatan dan hidayah. Di situlah ada hikmah dan nikmat yang perlu disingkap dengan mata hati.

Bersabarlah wahai sahabatku yang ditimpa musubah, janji Allah pasti datang kepada mereka yang sabar.

UTeM

Kilauan Inovasi

MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SMART EYE

Product Description

According to United Nations (UN) estimates, people with disabilities (PWDs) in the world are 10% percent of the total population. 500 million (half billion) Malaysian (Malaysia) started 2010. The population of PWDs in Malaysia, however, is around 20.280 million. Presently, My Smart Eye has been developed to give warning signal to the user about the location of obstacle using ultrasonic only for hearing-impaired users. Hence, the Smart Eye is developed by converting the obstacle alarm systems that which is also required by several of other features, by using this system, the users receive the hearing obstacles can be avoided and reduced importantly.

Objective

- Detect and respond the obstacle in a real process
- Detect the obstacle and communicate around
- Warn the user by using sound and vibration to receive sound of alarm
- Allow safety and convenience to the user

Novelty & Inventiveness

- Effective warning system by using sound and vibration directly to user
- User-friendly system in terms of navigation and navigation, fully independent person
- User-friendly and low cost and easy to use for hearing-impaired person
- Robust and portable system for outdoor and indoor use
- User-friendly system for hearing-impaired person
- User-friendly system for hearing-impaired person

Commercializability

- Malaysia Patent (in the future)
- Low-cost and medical device for hearing-impaired person
- User-friendly system
- User-friendly system

Ground Features/ Capabilities

- User-friendly system for hearing-impaired person
- User-friendly system for hearing-impaired person
- User-friendly system for hearing-impaired person
- User-friendly system for hearing-impaired person
- User-friendly system for hearing-impaired person
- User-friendly system for hearing-impaired person
- User-friendly system for hearing-impaired person
- User-friendly system for hearing-impaired person

Where Great Technical Careers Begin

UTeM Always A Pioneer, Always Ahead

ITEX 12

MULTI-PURPOSE SOLAR LAMP (1LAMP)

Project Description

The project is a multi-purpose solar lamp that can be used for lighting, charging mobile phones, and providing power to small electronic devices. The lamp is made of high-quality materials and is designed to be durable and long-lasting. It is also very easy to use and maintain. The lamp is powered by a solar panel that is mounted on top of the lamp. The solar panel is made of high-quality silicon cells and is designed to be efficient and long-lasting. The lamp is also very bright and can be used for outdoor lighting. The lamp is also very easy to carry and can be used in remote areas. The lamp is also very safe and does not contain any hazardous materials. The lamp is also very affordable and can be used by people of all income levels. The lamp is also very environmentally friendly and does not produce any pollution. The lamp is also very easy to install and can be used by people of all ages. The lamp is also very reliable and does not require any maintenance. The lamp is also very durable and can last for many years. The lamp is also very easy to clean and can be used in all weather conditions. The lamp is also very safe and does not contain any hazardous materials. The lamp is also very affordable and can be used by people of all income levels. The lamp is also very environmentally friendly and does not produce any pollution. The lamp is also very easy to install and can be used by people of all ages. The lamp is also very reliable and does not require any maintenance. The lamp is also very durable and can last for many years. The lamp is also very easy to clean and can be used in all weather conditions.

Novelty and Inventiveness

- Multi-purpose solar lamp using solar panel and LED light source
- Charging mobile phones and providing power to small electronic devices
- Environmentally friendly technology with solar design
- User-friendly system

Product Features/ Capabilities

- Low cost design
- High quality system using solar panel
- High quality system for charging mobile phones
- High quality system for providing power to small electronic devices

Commercialization Ability

- Quality product
- High quality system using solar panel
- High quality system for charging mobile phones
- High quality system for providing power to small electronic devices

Status of Invention/ Innovation

- Ready for commercialization

Publication/ References

- High quality system using solar panel
- High quality system for charging mobile phones
- High quality system for providing power to small electronic devices

Where Great Technical Careers Begin

UTeM Di Dada Akhbar

Karnival Pendidikan Tinggi Negara di Melaka 7-8 Mac

MELAKA 10 Pagi - Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 dengan tajuk 'Bersejarah, Berprestasi dan Berinovasi' akan diadakan pada 7-8 Mac di Melaka (FHM) 2017. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Najib Razak, akan hadir ke Melaka pada 7 Mac untuk merasmikan karnival ini.



Menyifatkan karnival ini sebagai platform terbaik bagi mempromosikan mutu dan prestasi universiti-universiti di negara ini, beliau berharap karnival ini dapat meningkatkan lagi imej universiti-universiti di negara ini.



F1-FV Malaysia bermula 21 Mei

Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Kerja Raya, akan mengadakan F1-FV Malaysia 2017 bermula 21 Mei ini.

Pengarah program, Jayalan Manoharan, berkata perhelatan F1-FV Malaysia akan berlangsung di Litar Antarabangsa Sepang (LAS) dan dijangka akan menarik perhatian ramai peminat karting tempatan.

Perhelatan ini akan berlangsung selama tiga hari iaitu pada 21-23 Mei ini. F1-FV Malaysia 2017 adalah edisi ke-10 dan akan diadakan di Litar Antarabangsa Sepang (LAS) dan dijangka akan menarik perhatian ramai peminat karting tempatan.

Hantar sukarelawan pasca banjir

UTeM sumbang lebih RM100,000



UTeM telah menghantar sukarelawan ke lokasi banjir di Melaka untuk membantu proses pemulihan. UTeM juga telah menyumbangkan lebih RM100,000 untuk membantu proses pemulihan.

Mohd. Razali dilantik Timb. Naib Canselor UTeM

Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melantik Mohd. Razali Ismail sebagai Timb. Naib Canselor UTeM. Beliau telah dilantik sebagai Timb. Naib Canselor UTeM menggantikan Dr. Mohd. Yusoff Yusoff.

Mohd. Razali Ismail telah dilantik sebagai Timb. Naib Canselor UTeM menggantikan Dr. Mohd. Yusoff Yusoff. Beliau telah dilantik sebagai Timb. Naib Canselor UTeM menggantikan Dr. Mohd. Yusoff Yusoff.

UTeM sasar kedudukan seiring universiti ternama



UTeM sasar kedudukan seiring universiti ternama. UTeM telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan kedudukan universiti ini seiring dengan universiti-universiti ternama di negara ini.

UTeM peroleh status autonomi



UTeM telah memperoleh status autonomi. UTeM telah memperoleh status autonomi yang membolehkan universiti ini menguruskan kewangan dan akademik secara autonomi.

Mohd. Jailani kekal TNCPi UTeM

Mohd. Jailani kekal TNCPi UTeM. Mohd. Jailani telah kekal sebagai Timb. Naib Canselor UTeM menggantikan Dr. Mohd. Yusoff Yusoff.

Mohd. Jailani telah kekal sebagai Timb. Naib Canselor UTeM menggantikan Dr. Mohd. Yusoff Yusoff. Beliau telah dilantik sebagai Timb. Naib Canselor UTeM menggantikan Dr. Mohd. Yusoff Yusoff.

MELAKA HARI INI MAJU FASA II



UTeM pusat pembelajaran bahasa Inggeris

UTeM pusat pembelajaran bahasa Inggeris. UTeM telah menetapkan pusat pembelajaran bahasa Inggeris untuk meningkatkan kualiti pembelajaran bahasa Inggeris di universiti ini.

UTeM telah menetapkan pusat pembelajaran bahasa Inggeris untuk meningkatkan kualiti pembelajaran bahasa Inggeris di universiti ini. UTeM telah menetapkan pusat pembelajaran bahasa Inggeris untuk meningkatkan kualiti pembelajaran bahasa Inggeris di universiti ini.

Pengerusi UTEP akui kecemerlangan UTeM

Pengerusi UTEP akui kecemerlangan UTeM. Pengerusi UTEP telah mengakui kecemerlangan UTeM dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan penyelidikan di universiti ini.

Pengerusi UTEP telah mengakui kecemerlangan UTeM dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan penyelidikan di universiti ini. Pengerusi UTEP telah mengakui kecemerlangan UTeM dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan penyelidikan di universiti ini.



UTeM hasil produk pengimbas e-Attendance

UTeM hasil produk pengimbas e-Attendance. UTeM telah menghasilkan produk pengimbas e-Attendance untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan penyelidikan di universiti ini.

UTeM telah menghasilkan produk pengimbas e-Attendance untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan penyelidikan di universiti ini. UTeM telah menghasilkan produk pengimbas e-Attendance untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan penyelidikan di universiti ini.



Upcoming Events

Entrepreneurial Journey #2

Lawatan Penilaian AKREDITASI PROGRAM KEJURUTERAAN oleh EAC



FV Malaysia 2015

SCMSM 2015



Lawatan PENILAIAN AKREDITASI PENUH PROGRAM TEKNOLOGI KEJURUTERAAN oleh MQA

International Conference on Technology Management and Technopreneurship (IC-TMT 2015)



MEDIA SOSIAL UTeM

- MyUTeM
- UTeM_my
- utem_moments

scan this!

